



## PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN

Ke arah 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan



www.pemandu.com.my



**M**EMBANTERAS rasuah adalah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang dikenal pasti di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP). Tiga bidang yang akan diberikan tumpuan ialah agensi penguatkuasaan, perolehan kerajaan dan rasuah politik.

Salah satu inisiatif dalam usaha kerajaan membanteras rasuah ialah memperkukuhkan unit pematuhan di agensi penguatkuasaan utama. Ia dapat mengurangkan rasuah dengan memastikan bahawa terdapatnya checks and balances di setiap agensi penguatkuasaan.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah agensi pimpinan yang memantau pelaksanaan NKRA ini. Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Imigresen sudah menubuhkan unit pematuhan masing-masing dan kini tumpuan diberikan untuk memperkukuhkan unit pematuhan tersebut. (Sila rujuk carta)

"Saya telah berjumpa ketua-ketua agensi penguatkuasaan utama dan kami sedang menjalankan latihan untuk pegawai pematuhan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia," kata Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abu Kassim Mohamed.

Kajian Malaysian Transparency Perception 2007 mendapati, PDRM, JKDM, JPJ dan Jabatan Imigresen adalah empat agensi penguatkuasaan yang dianggap rakyat mempunyai integriti terendah.

Keempat-empat agensi ini juga

# Unit pematuhan kekang rasuah

Usaha membanteras rasuah di agensi penguatkuasaan lebih berkesan

INFO

### Unit-unit pematuhan



Bahagian Inspektorat, JPJ



Cawangan Pengurusan Prestasi dan Tatatertib, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, JKDM



Compliance Unit, Pejabat Ketua Pengarah, Jabatan Imigresen



Urus Setia Ketua Polis Negara (Tatatertib), PDRM



mencatatkan jumlah kes rasuah paling banyak dibawa ke mahkamah oleh SPRM pada tahun 2005 dan 2009.

Langkah memperkukuhkan unit pematuhan ini adalah kaedah terbaru meningkatkan keyakinan Rakyat terhadap agensi penguatkuasaan dan juga merupakan usaha kerajaan meningkatkan Corruption Perception Index score Malaysia yang jatuh dari tempat ke-23 pada tahun 1995 ke tempat ke-56 tahun lalu. Penguatkuasaan unit pematuhan akan memberikan kesan terus kepada Rakyat yang perlu berurusan

dengan pegawai penguatkuasaan.

Bagi PDRM, bidang yang memerlukan pemantauan kepatuhan ialah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Jabatan Siasatan Jenayah Perdagangan, Jabatan Narkotik serta Jabatan Keselamatan dalam Negeri dan Ketenteraman Awam.

Di JKDM ia membabitkan Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Kastam sementara di Jabatan Imigresen ialah Bahagian Penguatkuasaan; Bahagian Pekerja Asing; Bahagian Visa, Pas dan Permit dan Bahagian Keselamatan dan Pasport

manakala di JPJ ia membabitkan Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Perlesenan, Bahagian Pendaftaran dan Kejuruteraan Automotif.

Selain penguatkuasaan unit pematuhan, kerajaan mengambil beberapa langkah membanteras rasuah termasuklah menguatkuasakan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat. Akta ini diluluskan Dewan Rakyat pada 20 April 2010 dan Dewan Negara pada 6 Mei 2010. Pangkalan data pesalah rasuah juga diperkenalkan dan boleh diakses orang ramai menerusi portal rasmi SPRM.

**“**Saya telah berjumpa ketua-ketua agensi penguatkuasaan utama dan kami sedang menjalankan latihan untuk pegawai pematuhan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia”

Abu Kassim Mohamed  
Ketua Pesuruhjaya SPRM

**A**NTARA Januari dan Julai tahun ini usaha kerajaan dalam tujuh inisiatif utama telah berjaya mendatangkan hasil positif dalam usaha membanteras kegiatan yang bercanggah dengan nilai moral, etika dan agama. Ia adalah peringkat permulaan daripada 26 inisiatif yang ingin dicapai. Berikut adalah inisiatif berkenaan:

#### ● Pangkalan Data Pesalah Rasuah

Diperkenalkan pada 4 Mac 2010 bagi membolehkan orang ramai dan majikan untuk membuat penilaian. Ia merangkumi maklumat seperti nama, gambar, nombor kad pengenalan, nombor kes, pertuduhan, hukuman dan tarikh sabit kesalahan bagi pesalah rasuah. Sehingga 11 Ogos lalu, seramai 176 pesalah disenaraikan dalam pangkalan data ini yang boleh diakses di <http://www.sprm.gov.my>.

#### ● Menyelesaikan kes rasuah dalam tempoh setahun.

Tempoh perbicaraan yang panjang boleh menyebabkan kehilangan bukti dan saksi serta boleh menyebabkan saksi kecewa dan hilang minat untuk membabitkan diri dalam kes itu. Sehubungan itu, Ketua Pendaftar mengeluarkan pekeliling supaya semua hakim menyelesaikan kes

## Tujuh inisiatif membanteras rasuah

berkaitan rasuah dalam tempoh setahun. Pada masa sama, 14 mahkamah khusus untuk kes rasuah diwujudkan. Kanun Prosedur Jenayah (CPC) juga dipinda untuk mempercepatkan perbicaraan. Proses Pengurusan Kes dan Persidangan Pra Perbicaraan untuk kes jenayah juga diperkenalkan. Persidangan Pra Perbicaraan bertujuan memendekkan perbicaraan. Tertuduh boleh membincangkan isu dan bersetuju untuk rayuan dengan pendakwa awam sebelum proses pengurusan kes dikuatkuasakan. Proses pengurusan kes perlu dijalankan dalam tempoh 60 hari dari tarikh tertuduh didakwa, manakala perbicaraan perlu dijalankan dalam tempoh 90 hari dari tarikh tertuduh didakwa. Pindaan ini juga diluluskan di Dewan Rakyat pada 22 April lalu dan Dewan Negara pada 6 Mei lalu.

#### ● Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

Bertujuan menggalak orang ramai tampil melaporkan salah laku. Ia melindungi pemberi maklumat dalam bentuk kerahsiaan maklu-

mat, imuniti daripada tindakan sivil serta tindakan jenayah dan perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan kes. Ia juga mempunyai kuasa terhadap semua agensi penguatkuasaan untuk menerima aduan berhubung salah laku dan tindakan yang memudaratkan. Akta ini diluluskan Dewan Rakyat pada 20 April lalu dan Dewan Negara pada 6 Mei lalu.

#### ● Pembiayaan politik

Bagi tempoh ini, kerajaan turut menimbangkan sumbangan untuk parti politik dikreditkan terus ke akaun parti dan direkodkan, bagi memudahkan urusan audit. Peraturan dibuat di bawah Akta Pertubuhan dipertimbangkan untuk melaksanakan perkara ini.

#### ● Mendedahkan maklumat kontrak perolehan

Laman web MyProcurement boleh dilawati di alamat <http://my-procurement.treasury.gov.my/>. Laman web ini dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada 1 April lalu sebagai pusat maklumat pemerolehan kerajaan. Ia membantu meningkat-

kan ketelusan dan akauntabiliti dalam urusan perolehan kerajaan. Maklumat turut merangkumi iklan tender dan penganugerahan tender termasuk tarikh, nilai kontrak dan pemenang tender. Laman web itu turut mempamerkan pemerolehan lain berkaitan maklumat seperti polisi dan prinsipal kerajaan. Sejumlah 3,691 kontrak kerajaan turut disenaraikan dalam MyProcurement (sehingga 11 Ogos 2010).

#### ● Panduan bagi surat sokongan

Satu Pekeliling dikeluarkan 2 April lalu oleh MAMPU yang boleh didapati di alamat [http://www.mampu.gov.my/pengumuman/02-04-2010-gp\\_sokong604.pdf](http://www.mampu.gov.my/pengumuman/02-04-2010-gp_sokong604.pdf). Pekeliling ini turut merangkumi panduan bagi penjawat awam ketika berhadapan dengan sesuatu yang boleh mempengaruhi keputusan mereka dalam pelbagai bidang daripada kontrak pembelian hingga ke pelesenan. Dengan pekeling ini, tidak timbul lagi kekeliruan untuk mengesahkan tindakan sesetengah individu yang berpengaruh untuk masuk campur dalam

proses kerajaan membuat keputusan. Ayat seperti "sila timbangkan" atau "disokong kuat" tidak boleh diambil sebagai merit atau kelayakan bagi kerajaan untuk membuat keputusan.

#### ● Memperkukuhkan unit pematuhan setiap agensi penguatkuasaan utama

Rakyat beranggapan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan seperti PDRM, JPJ, Imigresen dan Kastam semakin pudar. Justeru, pemantauan ke atas pihak berkuasa undang-undang perlu ditingkatkan.

Ketika ini, nisbah pegawai pematuhan kepada penguatkuasaan adalah rendah yang sesetengah beranggapan berbanding dengan apa yang dianggap amalan terbaik.

Semua keempat-empat agensi penguatkuasaan utama sudah bersetuju secara amnya menubuhkan unit pematuhan dan untuk seramai lima pegawai diberi latihan berpusat yang mungkin dikendalikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berkaitan isu pematuhan.